

Variasi Kata Ganti Nama Diri dalam Dialek Melayu, Rompin, Pahang: Analisis Geolinguistik

Lexical Variations of Pronouns in Malay Dialect, Rompin, Pahang: A Geo-linguistic Analysis

JUNAINI KASDAN, NUR AFIQAH AZMAY & ANIS SHAHIRA SHAMSURI

ABSTRAK

Dialek Pahang dikatakan sebagai suatu dialek yang rencam dari aspek fonologi, morfologi dan juga penggunaannya. Walau bagaimanapun, kajian lalu hanya membincangkan perbezaan atau keunikan dialek yang digunakan, selain menjelaskan taburan persempadanan dialek mengikut kawasan melalui peta lakaran berdasarkan kaedah impresionistik. Justeru, dengan memberikan tumpuan kepada kata ganti nama (KGN) yang digunakan di daerah Rompin, Pahang, kajian ini bertujuan mengenal pasti varian KGN dialek Melayu Rompin, sekali gus menghasilkan peta koroplet varian KGN di daerah Rompin. Kajian ini dilaksanakan di 15 buah kampung di Rompin dan melibatkan 140 orang responden yang terdiri daripada remaja (15 – 25 tahun), dewasa (26 – 55 tahun) dan warga tua (56 tahun ke atas). Data leksikal yang dikumpulkan melalui kajian lapangan ini dianalisis dengan bantuan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Hasil dapatan menunjukkan bahawa taburan varian leksikal KGN di daerah Rompin dipengaruhi oleh faktor geografi, terutamanya aliran sungai yang mempunyai perkaitan dengan Laluan Penarikan, dan persempadanan; serta faktor sosioekonomi (sistem pendidikan dan kegiatan ekonomi). Peta koroplet yang dihasilkan merupakan peta sebenar yang dapat membantu menjelaskan taburan dialek dengan lebih tepat, sekali gus membuktikan bahawa kesemua varian yang digunakan sangat berkaitan dengan geografi dan sosioekonomi setempat. Kajian ini menjadi lebih menarik, sistematis dan meyakinkan kerana disokong dengan teknologi dan pendekatan multidisiplin. Justeru, hasil kajian ini dapat digunakan untuk tujuan perancangan bandar dan wilayah, terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan pelancongan domestik.

Kata kunci: Kata ganti nama (KGN); Sistem Maklumat Geografi (GIS); geolinguistik; dialek; bahasa

ABSTRACT

In terms of morphology and usage, the Pahang dialect is stated to be a complicated dialect. On the other hand, previous research has only examined the differences or uniqueness of the dialects utilised, as well as describing the distribution of dialect boundaries by region using sketch maps based on impressionistic techniques. Thus, by focusing on pronouns (KGN) used in Rompin, Pahang, this study intends to discover variants of pronouns in the Malay Rompin dialect and build a choropleth map of variant pronouns in the Malay Rompin dialect. This survey included 140 respondents from 15 Rompin communities, including teenagers (aged 15 to 25), adults (aged 26 to 55), and senior citizens (aged 56 and above). Field investigations were used to collect lexical data, which was then analysed using Geographic Information Systems (GIS). The data reveal that geography, specifically the river, which is associated with the Trans-Peninsula portage and territorial delimitation, as well as socioeconomic factors (education and economic activity), influence the distribution of pronoun lexical variants in the Rompin area. The choropleth map created is an accurate map that can assist in explaining the distribution of dialects more correctly, demonstrating that all varieties employed are incredibly relevant to local geography and socioeconomics. Furthermore, the study becomes more appealing, systematic, and compelling because it is supported by technology and a multidisciplinary approach. As a result, the findings of this study can be applied to urban and regional planning, particularly in topics such as domestic tourism.

Keywords: Pronouns; Geographic Information Systems (GIS); geo-linguistics; Malay dialect; language

PENGENALAN


Pada umumnya, dialek dirujuk sebagai variasi bahasa yang dituturkan oleh seseorang dari kawasan tertentu mengenai dialek tertentu. Kamus Perdana Dewan (2020) mendefinisikan dialek sebagai satu bentuk bahasa yang digunakan oleh sesebuah daerah oleh kelas sosial yang berbeza daripada bahasa standard. Menurut Crystal dan Ivić (2014), istilah dialek dalam bahasa Yunani diungkapkan sebagai dialektos, iaitu asal perkataan bagi *dialegesthai* bermaksud wacana atau perbualan (dialek). Crystal & Ivić (2014) juga menjelaskan bahawa dialek boleh diperoleh daripada kelas sosial seseorang, kerjaya atau keinginan seseorang untuk mengetahui akan sesuatu perkara. Menurut Akhtar Hussain dan Maria Isabel (2015), dialek merupakan sebahagian daripada sistem linguistik, akan tetapi dialek memperlihatkan sedikit perbezaan dengan bahasa. Perbezaan yang dikemukakan oleh Alvar (1961), Mouton (1994), Lau (1995), Marcos Marin (1996), Montes Giraldo (1980), dan Li, J. (1990) dalam (Akhtar Hussain dan Maria Isabel 2015) ialah dialek merupakan bahasa kurang berprestij, manakala bahasa dianggap lebih berprestij kerana penggunaannya yang lebih formal. Misalnya, bahasa formal, bahasa kebangsaan, bahasa yang digunakan dalam sesuatu pekerjaan dan organisasi antarabangsa.

Selanjutnya, Asmah (2008) menjelaskan bahawa dialek merupakan pecahan daripada kelompok bahasa. Dialek juga menjadi wahana pertuturan antara satu kelompok masyarakat yang mempunyai latar belakang dialek yang sama ataupun kelompok masyarakat daripada latar belakang dialek berbeza. Sebagai contoh, dialek Kelantan agak sukar untuk difahami oleh penutur bukan sahaja dari Semenanjung Malaysia tetapi juga dalam kalangan penutur Sabah dan Sarawak (Asmah 2008). Dialek

hanya boleh difahami dengan baik apabila sesebuah kelompok masyarakat atau individu mempunyai keinginan untuk mempelajarinya. Hal ini dikatakan demikian kerana dialek tidak boleh dituturkan secara fasih apabila seseorang itu tidak mahu mengamalkannya (Chambers & Trudgill 1998).

Kajian dialek di Semenanjung Malaysia sering dikaitkan dengan kawasan sungai, lembangan, anak sungai dan lain-lain. Menurut Marlyna (2009), Mohd Tarmizi, Rahim & Shahidi (2010), dan Nor Hashimah et al. (2016), penyebaran dialek boleh berlaku dengan cara sebaran dari satu kawasan ke satu kawasan yang berhampiran melalui lembangan sungai. Dialek juga merupakan sejenis ragam bahasa yang boleh dibezakan melalui kosa kata, cara penyebutan, dan tatabahasa (Collins 1983). Ragam bahasa diperoleh dari sesebuah kawasan geografi yang mencakupi aspek sosial tertentu. Dengan ini, dialek di sesebuah kawasan itu telah dibentuk daripada pelbagai komuniti, khususnya daripada dialek yang berbeza (Asmah 2008).

Dialek Pahang dikatakan sebagai suatu dialek yang rencam dari aspek fonologi, morfologi dan juga penggunaannya. Dari segi kedudukannya, negeri Pahang terletak di timur Semenanjung Malaysia dan disempadani oleh enam negeri, iaitu negeri Terengganu dan Kelantan di sebelah utara, Selangor dan Perak di sebelah barat dan Negeri Sembilan dan Johor di sebelah selatan. Negeri Pahang dipecahkan kepada sebelas daerah, iaitu daerah Kuantan, Temerloh, Bentong, Raub, Maran, Bera, Cameron Highlands, Pekan, Lipis, Rompin dan Jerantut. Daripada sebelas daerah tersebut, Rompin merupakan daerah yang agak unik kerana kedudukannya yang bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Johor. Daerah-daerah tersebut dipaparkan dalam Peta 1 yang berikut.



PETA 1. Kedudukan daerah-daerah dalam negeri Pahang

Sumber: Anon. 2016. <http://www.dirajapahang.my/>

Daerah Rompin yang bersempadan dengan Negeri Sembilan dan Johor sangat menarik untuk dijadikan sebagai kawasan kajian kata ganti nama. Melalui informasi daripada Pejabat Daerah dan Tanah Rompin (2019), daerah Rompin bersempadan dengan daerah Endau, daerah Mersing, Nenasi, dan Kuantan. Dalam daerah Rompin, terdapat enam mukim, iaitu mukim Keratong, mukim Bebar, mukim Rompin, mukim Pontian, mukim Endau, dan mukim Tioman.

Rompin merupakan daerah kedua terbesar dalam negeri Pahang selepas daerah Jerantut. Asal usul daerah Rompin berdasarkan cerita orang kampung, diambil sempena nama sebatang pokok ru. Pokok ru itu dikatakan mempunyai keadaan fizikal yang luar biasa berbanding pokok-pokok ru yang lain. Hal ini demikian kerana pokok ru yang tumbuh sepanjang pantai daerah ini bersaiz tinggi dan besar (Majlis Daerah Rompin 2020). Berdasarkan maklumat daripada Pusat Internet Kampung Simpang Sepayang, Rompin (t.th) dan Pejabat Daerah dan Tanah Rompin (2019) pula, pokok ru tersebut mempunyai saiz yang ramping dan mempunyai lubang di bahagian tengahnya. Dari sinilah munculnya kata rompin, iaitu ru + ramping. Selain itu, orang kampung mempercayai bahawa pokok ru tersebut mempunyai diameter yang sangat besar kerana dikatakan mampu memuatkan seramai 40 orang untuk makan bersama.

Dari segi dialek atau bahasa pertuturan, daerah Rompin mempunyai kelainan yang tersendiri. Sebelum ini kajian dialek Rompin ditinjau

dan dibincangkan sebagai kajian dialek yang mencakup keseluruhan dialek negeri Pahang. Walau bagaimanapun, kajian dialek tidak harus dilihat berdasarkan sempadan politik atau sempadan negeri, sebaliknya perlu dikaitkan juga dengan persempadanan geografi dan aspek bukan linguistik yang lain. Kajian dialek dengan geografi dianggap sebagai kajian multidisiplin kerana kajian dialek melibatkan hubungan dua bidang yang berlainan. Kajian dialek dengan geografi digabungjalinkan menjadi suatu kajian baharu dalam bidang linguistik, iaitu geolinguistik (Asmah 2008; Nor Hashimah 2018; Nor Hashimah, Siti Noraini & Harishon 2020). Dalam kajian geolinguistik, terdapat beberapa kaedah baharu yang memanfaatkan kemudahan teknologi, seperti Sistem Maklumat Geografi atau singkatnya GIS merupakan satu sistem maklumat yang boleh menyimpan, memapar, menganalisis, dan memanipulasi data yang berkaitan dengan reruang (*spatial data*). Hasil analisis kedudukan yang dipaparkan dalam sistem ini mempunyai rujukan tempat yang tepat di atas muka bumi. Antara perisian yang terdapat di pasaran kini termasuk ArcGIS; Geomatics; Geographic Resources Analysis Support System (GRASS); MapInfo Professional; dan ArcExplorer. Dalam konteks kajian dialek, perisian ini berfungsi untuk membuat pemetaan di kawasan yang hendak dikaji menggunakan beberapa teknik, seperti teknik koroplet (*chloropleth*) dan juga teknik tindanan (*overlay*) (Nor Hashimah et al. 2016; Nor Hashimah et al. 2017).

Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini merupakan kajian geodialek di negeri Pahang dengan menjadikan daerah Rompin sebagai kawasan kajian. Kajian bertujuan untuk mengetahui taburan variasi leksikal kata ganti nama yang digunakan oleh masyarakat di sekitar daerah Rompin melalui penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS). Kajian ini melibatkan perincian penggunaan GIS dalam usaha untuk memperoleh maklumat tambahan mengenai persempadanan, taburan varian leksikal kata ganti nama, dan keterkaitan antara penggunaan GIS dengan pemetaan dialek di daerah Rompin.

PENGKAJIAN DIALEK

Penelusuran kajian lalu mendapati bahawa kajian yang mengangkat permasalahan tentang dialek dan kata ganti nama dapat dibahagikan kepada empat, iaitu (i) kajian dialek secara umum, (ii) kajian dialek berbantuan GIS, (iii) kajian dialek Pahang, dan juga (iv) kajian kata ganti nama. Kajian-kajian tersebut menjustifikasikan kajian KGN di daerah Rompin dilaksanakan.

Kajian dialek secara umum mengelompokkan kajian seperti yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar (1991; 2015), Idris Aman & Mohammed Azlan Mis (2016), serta Minah Sintian & Mohd. Sharifudin Yusof (2016).

Asmah Haji Omar (1991), secara khusus membincangkan tentang dialek di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun, Asmah hanya menyatakan dialek-dialek yang diperoleh dengan mengelompokkan dialek-dialek tersebut berdasarkan nama negeri, iaitu dialek Kedah-Perlis, dialek Perak, dialek Pulau Pinang, dialek Negeri Sembilan, dialek Melaka, dialek Johor, dialek Pahang, dialek Terengganu dan dialek Kelantan. Kajian dialek ini tidak tertumpu pada kajian satu dialek sahaja kerana kajian yang dilakukan adalah secara meluas dan hanya dengan menyatakan nama negeri tempat dialek tersebut dituturkan. Bagi memperlihatkan taburan dialek, pengkaji menggunakan pemetaan isoglos, akan tetapi kaedah pemetaannya adalah secara impresionistik. Hal ini sesuai dengan waktu kajian tersebut dilakukan,

Kajian yang hampir sama turut dilakukan oleh Idris Aman dan Mohammed Azlan Mis (2016). Namun begitu, terdapat perbezaan yang dilakukan, iaitu berkaitan dengan penerangan berkaitan dua kategori dialek, dialek geografi dan dialek sosial. Penyelidik ini menyatakan bahawa dialek geografi dan dialek sosial mempunyai ciri yang berbeza

kerana terdapat perbezaan dari segi metodologi atau kaedah kajian. Dalam perkembangan selanjutnya, kajian dialek cenderung bersifat multidisiplin, iaitu dengan memanfaatkan kemudahan sistem maklumat Geografi (GIS). Teerarojanarat, S. dan Tingsabhadh, K. (2011) misalnya telah menemui kaedah yang paling berkesan dan berkualiti sebagai penyelesaian untuk membuat kajian dialek di Thailand, iaitu menggabungkan kajian dialek dengan GIS. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan GIS dalam kajian dialek amat menarik dan tidak membebankan. Melalui GIS, peta isoglos dan koroplet yang lebih menarik dan jelas dapat dihasilkan, sekali gus dapat menjelaskan faktor yang menyebabkan penyebaran varian leksikal berlaku.

Siti Noraini Hamzah et al. (2014) pula telah membuat kajian berkenaan variasi dialek Melayu di Perak Utara. Melalui kajian tersebut, pengkaji berjaya menghasilkan kajian leksikografi dialek dengan menganalisis perbandingan varian leksikal ‘air’ dan ‘menusu.’ Responden dalam kajian ini terbahagi kepada dua, iaitu kategori tua dan kategori muda. Daripada kedua-dua kategori ini, didapati bahawa wujud perbezaan dari segi penggunaan dan penyebutan leksikal /air/ dan /menusu/. Sebagai contoh, kategori usia tua menyebut /air/ sebagai [ɛ], [ajəf], [æ], [aʃe], dan [aʃe], manakala cara penyebutan dan penggunaan leksikal [air] bagi kategori muda lebih standard, iaitu [air] dan [ajə]. Bagi leksikal [menusu] pula, kategori tua menyebutnya dengan varian [bəgɪtə?], [mənətə?], dan leksikal [nusu]. Kategori muda pula menyebut leksikal [menusu] menggunakan varian [nusu], [mənusu], dan [nenən]. Oleh yang demikian, cara penyebutan bagi kategori muda lebih bersifat standard berbanding kategori tua disebabkan oleh faktor pendidikan, khususnya dan faktor-faktor lain amnya.

Kajian dialek berbantuan GIS masih lagi menjadi trend dalam penyelidikan linguistik. Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2017) misalnya, telah menjalankan kajian di Langkawi untuk melihat varian bagi ‘daun kesum’ dan ‘daun kari.’ Terdapat beberapa varian leksikal ‘daun kari’ dan ‘daun kesum’ ditemui menerusi kajian ini. Varian bagi daun kari yang ditemukan ialah [da^won kərɪ], [da^won kəkəpələ], [da^won kəkɪpələ], [da^wn kəpələ], [da^wn pələ-pələ], [da^wn kəyəpələ], dan [da^wn gulai], manakala varian leksikal daun kesum pula ialah [kəsəm], [da^won tʃənəhom], [da^wn tʃənəyəm], [da^wn tʃənəhum], dan [da^wn laʔsə]. Penutur dialek Melayu Satun menukar /r/ menjadi /s/. Penutur

dialek Melayu Patani menggantikan /r/ kepada /y/, manakala penutur dialek Kedah masih menggunakan fonem /r/ dalam kedua-dua varian leksikal. Dalam hal ini pengkaji menyimpulkan bahawa terdapat proses penggantian fonem dalam kalangan penutur dialek Melayu Kedah, dialek Melayu Satun, dan dialek Melayu Patani.

Kajian dialek berbantuan GIS diteruskan lagi oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2018), melalui kajian dialek Melayu Perak. Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji telah berjaya menghasilkan peta isoglos di seluruh negeri Perak. Tujuan pemetaan dilakukan adalah untuk melihat perbezaan penggunaan varian leksikal bagi KGN di seluruh Perak. Di kawasan Perak Tengah, pengkaji mendapati bahawa tiada berlaku sebarang gangguan terhadap penyebaran varian leksikal KGN. Hal ini kerana Perak Tengah masih menggunakan dialek asli Perak dan tidak menerima pengaruh dialek Kedah, seperti kawasan Kuala Kangsar dan Hulu Perak. Selain itu, penyebaran leksikal di Perak pula disebabkan oleh faktor migrasi. Pada umumnya, kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2018) telah memperlihatkan kerencaman varian leksikal KGN di tiga kawasan utama di Perak dan juga faktor yang menyebabkan penyebaran leksikal di tiga kawasan tersebut.

Selanjutnya, kajian yang secara khusus memberikan tumpuan kepada dialek di negeri Pahang, ialah kajian yang dilakukan oleh Mohd Tarmizi Hasrah et al. (2010; 2011). Penerokaan terhadap dialek Melayu Pahang yang dilakukan adalah berdasarkan sistem aliran sungai. Hal ini kerana di Pahang terdapat tiga batang sungai utama, iaitu Sungai Jelai, Sungai Lipis, dan Sungai Pahang. Pengkaji mendapati bahawa setiap kawasan yang bersempadan dengan ketiga-tiga sungai itu mempunyai sebutan leksikal yang berbeza. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengkategorikan dialek Pahang kepada dua, iaitu dialek hulu Pahang dan dialek hilir Pahang. Kawasan hulu Pahang meliputi kawasan-kawasan di Sungai Jelai dan Sungai Lipis, manakala kawasan hilir Pahang meliputi kawasan-kawasan di Sungai Pahang. Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji telah mengelompokkan dialek Pahang mengikut kawasan tertentu. Sebagai contoh, pengkaji mengelompokkan subdialek Jerantut (Kuala Tembeling) sebagai subdialek hilir Pahang. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan akan menjadi lebih menarik sekiranya kajian tersebut diperkemas dengan memanfaatkan GIS sebagai langkah inovasi mutakhir masa kini. Hal ini kerana

kawasan Pahang yang luas boleh mengelirukan pengkaji untuk membuat pengelompokan dialek memandangkan ramai pengkaji yang beranggapan bahawa dialek Pahang ialah dialek campuran yang mempunyai penggunaan kata yang rencam.

Sungguhpun telah banyak kajian dialek dilakukan, namun kajian yang memberikan tumpuan kepada KGN, khususnya KGN dalam dialek Pahang masih sangat terbatas. Junaini Kasdan et al. (2017) misalnya hanya memberikan tumpuan kepada KGN di daerah Pekan. Kajian mendapati bahawa varian KGN diri pertama di Pekan dapat merujuk bilangan jamak dan tunggal. Misalnya, varian [saŋə], [kɔ̄], [ɑ̄ku], dan [tʃe?] merujuk kepada bilangan tunggal, manakala [kawan], [kawe], [təmən], dan [kitə] pula merujuk bilangan jamak. Namun, varian [kawe], sebagai KGN diri pertama yang merujuk bilangan jamak turut digunakan sebagai KGN diri kedua bilangan jamak. Bentuk tunggal KGN diri kedua ialah [awɔ?], [ɔ?], dan [haŋ]. Walau bagaimanapun, kajian mendapati bahawa varian [awɔ?] yang merupakan kata KGN diri kedua bilangan tunggal ini juga boleh merujuk KGN diri ketiga tunggal. Pengkaji menyimpulkan bahawa kerencaman variasi leksikal KGN yang digunakan adalah akibat daripada faktor persempadanan dan kegiatan sosioekonomi. Namun begitu, pengkaji mengusulkan agar kajian lanjut yang lebih komprehensif perlu dilakukan di kawasan lain di negeri Pahang bagi menyokong hasil dapatkan kajian yang telah dijalankan.

METODOLOGI KAJIAN

Melalui kajian alternatif KGN dialek Melayu Rompin ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif yang meliputi kaedah kajian pustaka dan kajian lapangan. Kaedah kajian pustaka melalui semua jenis bahan bacaan yang berkaitan dengan penyelidikan yang dilakukan membantu pengkaji mendapatkan data dan maklumat sekunder tentang KGN diri, khususnya KGN diri yang terdapat di negeri Pahang, serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan negeri Pahang, amnya. Kaedah kajian lapangan atau dikenali juga sebagai linguistik lapangan dimanfaatkan untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan, secara langsung daripada responden atau penutur dialek berkenaan. Melalui kajian lapangan juga dapat dirakamkan maklumat persekitaran geografi dan maklumat bukan linguistik kawasan setempat agar dapat dijadikan panduan dalam menganalisis data yang diperoleh dengan lebih baik. Hal ini demikian kerana kaedah kajian

lapangan dapat memberi pengkaji suatu pengalaman baharu, sekali gus dapat membantu pengkaji menambah maklumat daripada kajian bahasa atau dialek yang dijalankan berbanding kajian teks yang hanya terhad jumlahnya. Kajian ini dilaksanakan di 15 buah kampung di Rompin dan melibatkan 140 orang responden yang terdiri daripada remaja (15 – 25 tahun), dewasa (26 – 55 tahun) dan warga tua (56 tahun ke atas).

Kajian ini turut menggunakan soal selidik berkenaan dengan dialek negeri Pahang yang dibangunkan khas untuk kajian ini. Soal selidik meliputi tiga bahagian utama, iaitu bahagian A, bahagian B, dan bahagian C. Bahagian A merupakan maklumat berkaitan dengan latar belakang responden, seperti nama, umur, jantina, tempoh masa tinggal di kampung, pekerjaan, dan beberapa maklumat sosial lainnya. Bahagian B pula mengandungi maklumat berkaitan dengan kawasan kajian. Antara maklumat yang perlu dicatatkan ialah nama kampung, mukim, kepadatan penduduk, jarak kampung dari pekan, kaum majoriti, aktiviti ekonomi, dan juga bentuk muka bumi kampung. Selanjutnya, Bahagian C merupakan bahagian yang berkaitan dengan dialek. Selain borang soal selidik, pengumpulan data dilakukan melalui temubual responden. Pada leksikal-leksikal tertentu, gambar-gambar yang berkaitan juga digunakan bagi mengelakkan pengulangan sebutan oleh responden. Bagi memastikan ketepatan sebutan leksikal pula, kemudahan rakaman dimanfaatkan supaya dapat diulang dengar. Sebanyak 40 leksikal disenaraikan dalam bahagian ini, dan kesemuanya mewakili enam domain, termasuk domain KGN.

Domain KGN secara khusus dipilih untuk dibincangkan dalam penulisan ini kerana berdasarkan analisis yang dilakukan, didapati bahawa KGN yang terdapat di daerah Rompin ini sangat beragam dan tentunya dapat dijelaskan secara saintifik berpandukan maklumat geografi dan maklumat bukan linguistik. Selanjutnya, data dialek yang diperoleh daripada kajian lapangan ini perlu dibersihkan daripada sebarang kesilapan dan ditranskripsikan menggunakan simbol fonetik bagi memudahkan proses selanjutnya dilakukan. Bagi tujuan penganalisisan, data-data leksikal yang telah dikumpulkan diinput ke dalam bentuk digital, seperti

dalam perisian *Microsoft Excel* agar mudah dibaca mesin, yang dalam kajian ini perisian ArcGIS, bagi membolehkan peta koroplet dihasilkan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan kutipan kajian yang telah dilakukan, setiap leksikal yang dituturkan oleh penutur dialek sudah pasti mempunyai varian. Varian leksikal inilah yang menjadikan sesuatu dialek yang dituturkan itu sebagai suatu dialek yang unik dan menarik untuk dilakukan kajian. Kajian ini melibatkan 15 buah kampung di daerah Rompin, Pahang. Setiap kampung mempunyai leksikal KGN diri yang bervariasi dan ada juga yang biasa didengari oleh penutur luar. Melalui kajian ini pengkaji telah menemui varian leksikal untuk setiap KGN diri yang dituturkan oleh penutur dialek Melayu di Rompin, Pahang.

VARIASI LEKSIKAL KGN DIRI DIALEK MELAYU ROMPIN

Variasi leksikal merupakan kepelbagaiannya perkataan yang wujud daripada satu-satu perkataan. Hal ini demikian kerana variasi leksikal terhasil daripada pertuturan harian penutur daripada dialek-dialek tertentu (Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah Jalaluddin 2018). Variasi leksikal yang dituturkan oleh penutur sesuatu dialek itu sangat berkait dengan latar belakang sosial. Terdapat dalam kalangan penutur dialek yang merupakan penduduk tetap sesuatu kawasan, namun ada juga penutur dialek yang merupakan imigran dari negeri atau kawasan lain.

KGN diri merupakan panggilan nama diri untuk merujuk seseorang sewaktu berkomunikasi (Maslida Yusof 2018). KGN diri terbahagi kepada tiga, iaitu KGN diri pertama (KGND 1), KGN diri kedua (KGND 2), dan KGN diri ketiga (KGND 3). Secara umumnya kajian ini telah berjaya mengenal pasti tujuh variasi leksikal KGN diri pertama /saya/, enam variasi leksikal bagi KGN diri kedua /kamu/, serta lima variasi leksikal bagi KGN diri ketiga /dia/ dan /mereka/ di daerah Rompin, Pahang. Kesemua variasi leksikal tersebut dipaparkan dalam Jadual 1 yang berikut.

JADUAL 1. Variasi Kata Ganti Nama dalam Dialek Melayu Rompin

KGND1 /saya/	KGND2 /kamu/	KGND3 /dia/	KGND3 /mereka/
[sajə]	[awəʔ?]	[awəʔ?]	[awəʔ sumə]
[aku]	[ekaw]	[dijə]	[diøyəŋ]
[kawɛ]	[kaw]	[ɔyəŋ]	[məyekə]
[kitə]	[awaʔ?]	[awaʔ?]	[koyəŋ]
[oyəŋ]	[mu]	[dijə]	[dijəsəmə]
[kitə]	[əŋkaw]		
[komə]			

Berdasarkan Jadual 1, kesemua variasi leksikal yang ditunjukkan merupakan variasi leksikal yang dominan kerana kecenderungan penduduk setempat menggunakan leksikal yang pelbagai. Hal ini sangat berkaitan dengan penggunaan leksikal KGN diri yang rencam dalam kalangan penuturnya. Kajian turut mendapati bahawa terdapat variasi leksikal KGN diri dalam dialek Melayu Rompin yang mengalami perubahan proses fonologi. Penerangan secara umum berkaitan perubahan bunyi variasi leksikal ini akan diterangkan dalam perbincangan seterusnya mengikut kategori KGN dan variasi leksikal KGN.

Variasi Leksikal Kgn Diri Pertama /Saya/

Sewaktu berkomunikasi, KGN /saya/ merupakan kata ganti perorangan atau merujuk kepada diri sendiri. Dalam paparan data yang diperoleh, terdapat tujuh variasi leksikal yang digunakan oleh penutur Dialek Melayu Rompin untuk KGN diri pertama /saya/. Taburan variasi KGN diri pertama mengikut titik kampung adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2. Taburan Variasi leksikal KGN pertama /saya/ dialek Melayu Rompin

Kampung	/saya/						
	[saŋə]	[aku]	[kawɛ]	[kitə]	[oyəŋ]	[kitə]	[komə]
Tg. Gading	/	/	/				
Bangkong	/	/	/	/			
Janglau 3	/	/	/	/	/		
Sabak	/	/	/	/	/	/	
Alai	/	/		/	/		
Lubuk Batu	/	/		/	/		/
Bukit Ibam	/	/					
Mentara	/	/					
Tg. Gemok	/	/	/				
Aur	/				/		
Buluh Nipis	/						
Sepakat	/						
Lanjut	/	/		/			
Pianggu	/	/	/			/	
Parit Raja	/	/		/			

Berdasarkan Jadual 2, dapat dilihat bahawa daripada tujuh variasi leksikal KGN diri pertama di Rompin, tiga daripadanya merupakan variasi daripada bahasa Melayu standard, iaitu [saqə], [kitə] dan [əku]. Selain itu, terdapat juga dua variasi leksikal yang merupakan pengaruh dialek Pantai Timur, iaitu [kawə] dan [kitə].

Variasi Leksikal Kata Ganti Nama Kedua /Kamu/

KGN diri kedua /kamu/ pula merujuk kepada lawan tutur (pendengar) yang sedang bercakap dengan diri kita (penutur). Bagi variasi leksikal KGN diri kedua /kamu/, didapati bahawa sebanyak enam variasi leksikal digunakan oleh penutur dalam dialek Melayu Rompin, Pahang, iaitu [awə?], [eŋkaw], [kaw], [awa?], [mu], dan [ɛkaw], seperti yang dipaparkan dalam Jadual 3.

JADUAL 3. Variasi leksikal KGN diri kedua /kamu/ dalam dialek Melayu Rompin

Kampung	/kamu/					
	[awə?]	[ekaw]	[kaw]	[awa?]	[mu]	[əŋkaw]
Tg. Gading	/	/	/	/	/	/
Bangkong	/	/				
Janglau 3	/	/	/	/	/	/
Sabak	/	/	/			
Alai	/	/	/	/		
Lubuk Batu	/		/	/	/	/
Bukit Ibam	/					
Mentara	/	/	/	/		
Tg. Gemok	/		/	/		
Aur	/		/	/		/
Buluh Nipis	/			/		
Sepakat			/	/	/	
Lanjut			/	/		/
Pianggu			/	/		/
Parit Raja			/	/		/

Berdasarkan Jadual 3, dapat dilihat bahawa variasi leksikal KGN diri kedua [awə?] dan [mu] bagi variasi /kamu/ dalam dialek Melayu Rompin adalah menyamai dialek Melayu Kelantan dan Terengganu. Variasi leksikal [ekaw] pula merupakan variasi leksikal /kamu/ yang menerima pengaruh dialek Negeri Sembilan. Bagi variasi leksikal [kaw], [awa?] dan [əŋkaw] lebih menyerupai bahasa Melayu standard.

Variasi Leksikal Kgn Diri Ketiga /Dia/

Leksikal ‘dia’ merupakan kata KGN diri ketiga yang merujuk pada diri individu yang tidak turut serta

dalam perbualan (Maslida Yusof 2018). Menerusi kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat lima variasi leksikal KGN diri ketiga dalam dialek Melayu Rompin. Jadual 4 menyenaraikan semua variasi leksikal bagi KGN diri ketiga /dia/, iaitu [awə?], [dijə], [əŋaŋ], [awa?], dan [dijo].

Menerusi Jadual 4 dapat dilihat bahawa semua kawasan kajian menggunakan leksikal [dijə] dalam pertuturan harian mereka. Variasi ini merupakan pengaruh daripada dialek luar kawasan Rompin.

JADUAL 4. Variasi leksikal KGN diri ketiga /dia/ dalam dialek Melayu Rompin

Kampung	/dia/				
	[awɔ?]	[dijə]	[ɔyəŋ]	[əwa?]	[dijɔ]
Tg. Gading	/	/	/	/	/
Bangkong		/			
Janglau 3	/	/			/
Sabak	/	/			/
Alai	/	/		/	
Lubuk Batu	/	/			
Bukit Ibam	/	/			
Mentara		/			
Tg. Gemok		/			
Aur		/			
Buluh Nipis		/			
Sepakat		/			
Lanjut		/			
Pianggu		/	/		/
Parit Raja		/	/		

Selanjutnya, kajian mendapati bahawa variasi leksikal [dijɔ] hanya digunakan oleh penduduk Kampung Janglau 3 dan Kampung Sabak. Bagi variasi leksikal [ɔyəŋ] hanya diguna pakai oleh penduduk di Kampung Tg. Gading, Kampung Pianggu, dan Kampung Parit Raja begitu juga dengan variasi leksikal [əwa?] dilihat jarang dituturkan oleh penduduk Kampung Tg. Gading, Kampung Alai, dan Kampung Pianggu.

Variasi Leksikal Kgn Diri Ketiga /Mereka/

KGN diri /mereka/ tergolong dalam kategori KGN diri ketiga. Hal ini demikian kerana kata ganti nama /mereka/ merujuk kepada kumpulan manusia yang menjadi fokus dalam sesuatu perbualan atau aktiviti komunikasi (Maslida Yusof 2018). Bagi variasi leksikal KGN diri ketiga /mereka/ juga mempunyai jumlah yang sama seperti variasi leksikal KGN diri ketiga /dia/, iaitu sebanyak lima variasi. Variasi tersebut ialah [awɔ? sumə], [diɔyəŋ], [məyekə], [kɔyəŋ], dan [dijəsəmə], seperti yang dipaparkan dalam Jadual 5.

JADUAL 5. Variasi leksikal KGN diri ketiga /mereka/ dalam dialek Melayu Rompin

Kampung	/mereka/				
	[awə? sumə]	[diyoŋ]	[məyekə]	[koyŋ]	[dijəsəmə]
Tg. Gading	/	/	/	/	/
Bangkong		/	/		
Janglau 3	/	/			
Sabak	/				
Alai	/	/			
Lubuk Batu	/	/			
Bukit Ibam				/	
Mentara				/	
Tg. Gemok					/
Aur			/		
Buluh Nipis			/		
Sepakat				/	
Lanjut			/		
Pianggu			/	/	
Parit Raja			/		

Berdasarkan Jadual 5, dapat dilihat bahawa variasi leksikal yang paling dominan digunakan oleh penutur dialek Melayu Rompin ialah [məyekə]. Hal ini demikian kerana leksikal [məyekə] merupakan leksikal dalam bahasa Melayu standard. Walau bagaimanapun, terdapat juga variasi leksikal [awə? sumə] dan [dijəsəmə], namun terhad penggunaannya di Kampung Tg. Gading dan Kampung Tg. Gemok sahaja. Variasi leksikal [diyoŋ] pula diguna dalam kalangan penduduk Kampung Tg. Gading, Kampung Bangkong, Kampung Janglau 3, Kampung Sabak, Kampung Alai, dan Kampung Lubuk Batu.

FAKTOR PENYEBARAN VARIASI KGN DALAM DIALEK MELAYU ROMPIN

Menurut Marlyna Maros (2009), penyebaran dialek Pekan, Pahang disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi yang merupakan faktor bukan linguistik. Hal ini demikian kerana Pahang bukan sahaja mempunyai kawasan tanah tinggi yang kini telah menjadi tumpuan pelancong tetapi Pahang juga banyak dikelilingi dengan aliran sungai. Terdapat tiga sungai utama yang dikatakan menjadi faktor penyebaran dialek di Pahang, iaitu Sungai Pahang, Sungai Jelai, dan Sungai Lipis. Ketiga-tiga sungai

ini bersambung dengan beberapa anak sungai yang menelusuri kawasan pedalaman kampung, khususnya dalam daerah Rompin. Selain itu, faktor linguistik juga memainkan peranan penting dalam penyebaran variasi leksikal bagi sesuatu dialek termasuklah dialek Melayu Rompin. Faktor linguistik sering dikaitkan dengan perubahan bunyi suatu leksikal dengan variasi leksikal yang dituturkan oleh penutur dialek tertentu (Nor Hashimah Jalaluddin et al. 2017; Nor Hashimah Jalaluddin 2018).

Kata Ganti Nama /Saya/

Dalam Jadual 2, variasi leksikal KGN pertama /saya/, varian [kawə] dan [kitə] merupakan varian yang menerima pengaruh dialek Pantai Timur. Variasi leksikal [kawə] merupakan kata ganti nama yang digunakan oleh penutur dialek Pantai Timur. Variasi leksikal [kawə] adalah sama seperti leksikal [kawan] dalam dialek Pahang. Variasi leksikal [kawə] mengalami dua proses perubahan bunyi iaitu proses pengguguran konsonan di akhir kata dan juga proses penutralan peleburan vokal hadapan separuh luas /ɛ/.

Proses pengguguran konsonan nasal /n/ : n → O / _ #

Proses neutralisasi vokal : a → ε / _ #

Input	:	kawan
Pengguguran konsonan	:	kawa
Proses neutralisasi vokal	:	kawε
Output	:	kawε

Menurut Noor Shahirah Mohd Rodzi & Sharifah Raihan Syed Jaafar (2018), pengguguran konsonan merupakan proses penghilangan atau pembuangan konsonan dalam suatu kata. Pengguguran yang terlibat dalam input [kawan], iaitu pengguguran konsonan nasal /n/ di akhir kata. Selepas input [kawan], mengalami proses pengguguran konsonan nasal, kata tersebut terus membentuk kata [kawa]. Namun begitu, proses neutralisasi vokal telah mengubah vokal hadapan luas /a/ kepada /ε/ untuk menghasilkan output [kawa] kepada [kawε]

menunjukkan bahawa varian [kawε] ialah dialek Pantai Timur.


Selain itu, variasi leksikal [kitə] dan [kitɔ] mengalami proses pembundaran vokal, iaitu dari vokal tengah (*schwa*) /ə/ kepada vokal belakang separuh luas /ɔ/. Menurut Zaharani Ahmad (2006), proses pembundaran vokal kerap berlaku dalam dialek Kelantan. Hal ini demikian kerana secara tidak langsung penutur dialek Kelantan selalu menuturkan satu-satu leksikal dengan membundarkan vokal di akhir kata. Yang berikut ini menunjukkan rumus fonologi bagi proses pembundaran vokal:

Proses pembundaran vokal /ə/ → /ɔ/ _ #

Input	:	kitə
Proses pembundaran vokal:	:	kitɔ
Output	:	kitɔ

Peta 1 yang berikut merupakan peta koroplet KGN pertama /saya/ di beberapa buah kampung dalam daerah Rompin, Pahang. Berdasarkan peta koroplet ini, pengkaji dapat memaparkan titik kampung kawasan kajian secara tersusun dan kemas. Hal ini demikian kerana titik kampung yang dijana

dalam peta koroplet menggunakan perisian GIS membolehkan pengkaji memaparkan variasi KGN leksikal /saya/ mengikut kawasan kajian sedia ada. Semua titik kampung ini ditunjukkan mengikut tona warna berbeza-beza berdasarkan variasi leksikal KGN /saya/.



PETA 1. Peta Koroplet taburan variasi leksikal kata ganti nama /saya/

Daripada Peta 1, dapat dilihat bahawa varian [sajə] merupakan variasi leksikal yang dominan digunakan oleh penutur dialek Melayu Rompin di kawasan kampung tertentu. Varian [aku] dituturkan hampir di semua kawasan kampung kecuali Kampung Aur, Kampung Buluh Nipis, dan Kampung Sepakat. Hanya varian [sajə] dan [aku] sahaja yang paling banyak digunakan oleh penduduk di kawasan kajian. Hasil dapatan menunjukkan bahawa variasi [sajə] dan [aku] digunakan oleh semua lapisan usia, terutama remaja (15–25) dan dewasa (26–55). Hal ini demikian kerana [sajə] dan [aku] merupakan variasi leksikal KGN yang sedia ada dalam bahasa Melayu standard. Sistem pendidikan, iaitu sekolah aliran kebangsaan dan pekerjaan didapati turut mempengaruhi penyebaran dua variasi leksikal ini.

Selain itu, faktor pesisir sungai juga didapati dilihat sebagai faktor yang mempunyai kaitan langsung dengan penyebaran variasi leksikal KGN di Rompin. Faktor pesisir sungai ini lebih tepatnya dikaitkan dengan Laluan Penarikan. Menurut Nik Hassan Shuhaimi (dalam Muhammad Afiq Omar et al. 2016), Laluan Penarikan dikatakan telah mula

wujud sejak zaman Hoabinhian (10,000 tahun yang lalu). Laluan ini merupakan laluan utama para pedagang dari luar Tanah Melayu dan sebahagiannya singgah berlabuh di pesisir sungai tersebut. Buktinya, terdapat suatu ungkapan kata yang diperoleh oleh seorang pegawai dan pengarang Portugis di Melaka pada tahun 1613 yang dikenali sebagai Manuel Godinho de Erédia (dalam Abd Jalil Borham 2010), “Dari Melaka jalan menempuh Penarikan itu boleh sampai ke Pahang (dan sebaliknya), hanya enam hari perjalanan”. Hal ini memungkinkan variasi leksikal [kitə], dan [komə] yang digunakan oleh pedagang dari Rawa dan Minangkabau, Sumatera digunakan dalam komunikasi mereka.

Kata Ganti Nama /Kamu/

Data variasi leksikal dalam kata ganti nama kedua /kamu/ menunjukkan bahawa varian [eŋkaw] menerima pengaruh dialek Negeri Sembilan. Menurut Ernawita (dalam Mohd Syukri Anwar & Sharifah Raihan Syed Jaafar 2021), dialek Minangkabau merupakan suatu varian bahasa

dalam dialek Negeri Sembilan. Dalam dialek Minangkabau, terdapat empat proses peralihan

schwa. Proses peralihan *schwa* yang berlaku adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 6.

JADUAL 6. Proses peralihan *schwa* dalam dialek Minangkabau

Input	Output
/ə/	[ə]
/ə/	[ɔ]
/ə/	[ə]
/əK/	[ø]

Daripada Jadual 6, variasi leksikal yang diperoleh daripada data kajian dialek Melayu Rompin bagi KGN diri kedua /kamu/, iaitu varian [eŋkaw] memperlihatkan berlakunya perubahan bunyi, berbanding varian [əŋkaw] yang merupakan varian

daripada bahasa Melayu standard. Perubahan bunyi tersebut disebabkan oleh proses peralihan *schwa* /ə/ kepada vokal hadapan separuh luas /e/ di awal kata bagi varian [ekaw].

Proses peralihan *schwa* /ə/ kepada vokal hadapan separuh luas /e/: /ə/ → /e/ (K) __ K

Input	:	eŋkaw
Proses peralihan vokal hadapan separuh luas	:	ekaw
Output	:	ekaw

Seterusnya, variasi leksikal KGN diri kedua /kamu/ mengalami proses pengguguran vokal di awal kata. Proses tersebut menjadikan leksikal KGN diri /kamu/ kepada [mu]. Pada umumnya, leksikal KGN diri /kamu/ merupakan leksikal sedia ada dalam


bahasa Melayu standard, manakala [mu] merupakan variasi leksikal yang menerima pengaruh dialek Kelantan. Rumus bagi proses pengguguran vokal adalah seperti yang berikut.

Proses pengguguran vokal /a/: /a/ → O / __ #

Input	:	kamu
Proses pengguguran vokal :		mu
Output	:	mu

Selanjutnya, Peta 2 merupakan peta koroplet KGN diri kedua /kamu/ di beberapa buah kampung dalam daerah Rompin. Semua variasi leksikal

KGN /kamu/ ditunjukkan mengikut warna tertentu berdasarkan titik kampung sebenar.



PETA 2. Peta koroplet taburan variasi leksikal KGN diri kedua /kamu/

Berdasarkan Peta 2 dapat dilihat bahawa variasi leksikal bagi KGN diri kedua /kamu/ [awə?] dan [kaw]. Variasi leksikal [awə?] digunakan oleh penutur dialek di kawasan kajian kecuali Kampung Buluh Nipis, Kampung Sepakat, Kampung Lanjut, Kampung Pianggu, dan Kampung Parit Raja. Namun, variasi leksikal [kaw] tidak dituturkan di Kampung Bangkong, Kampung Bukit Ibam, dan Kampung Buluh Nipis.

Variasi leksikal [awa?] pula digunakan di beberapa buah kampung dalam daerah Rompin, seperti yang dipaparkan dalam Peta 2, iaitu di lapan titik kampung kecuali di Kampung Bangkong, Kampung Sabak, dan Kampung Bukit Ibam. Penggunaan variasi [awa?], iaitu merujuk kepada seorang individu atau lawan bicara kepada penutur. Variasi leksikal [awa?] banyak digunakan oleh orang dewasa dan warga tua kerana leksikalnya sedia ada dalam

bahasa Melayu standard. Hal ini demikian kerana kedua-dua kumpulan ini merupakan golongan yang sudah lama mendiami sebuah kawasan, termasuk kawasan kajian. Faktor yang mempengaruhi golongan ini ialah migrasi, pendidikan, dan juga kegiatan ekonomi.

Variasi leksikal [əŋkaw] pula merupakan variasi bagi leksikal KGN diri kedua /kamu/. Variasi leksikal ini digunakan oleh hampir semua penutur dialek Melayu Rompin. Penutur tersebut berasal dari Kampung Bangkong, Kampung Janglau 3, Kampung Lubuk Batu, Kampung Aur, Kampung Lanjut, Kampung Pianggu, dan Kampung Parit Raja. Selain itu, variasi leksikal [mu] juga merupakan varian yang terdapat dalam KGN diri kedua /kamu/. Variasi leksikal [mu] mengalami proses perubahan bunyi melalui cara pengguguran vokal /ə/. Variasi leksikal ini juga menerima pengaruh dialek pantai timur Semenanjung Malaysia kerana di sebelah

pesanir pantai daerah Rompin merupakan kampung nelayan, iaitu kampung Nenasi. Aktiviti perikanan menjadi tumpuan di kawasan tersebut. Ramai nelayan dari pantai timur Semenanjung singgah di kawasan ini untuk berniaga dan berehat. Kawasan pesisir pantai daerah Rompin juga sangat hampir dengan Laut China Selatan, sekali gus merancakkan kegiatan perikanan di sana.

Variasi leksikal bagi KGN diri kedua /kamu/ pula ialah [ekaw], iaitu KGN yang mempunyai sebutan bunyi seperti penutur dialek Negeri Sembilan. Penyebaran variasi leksikal [ekaw] mempunyai perkaitan dengan faktor Laluan Penarikan. Laluan Penarikan bukan sahaja memanfaatkan aktiviti perdagangan pedagang dari luar negara akan tetapi juga memberi kemudahan sebagai ‘laluan alternatif’ para pedagang di Tanah Melayu menerusi sungai-sungai yang ada. Buktinya, menurut Norhalim Ibrahim & Jamaludin Samsudin (dalam Preethovan Ramu et al. 2020) laluan Penarikan dikatakan bermula dari Sungai Jempol sehingga Sungai Serting, Negeri Sembilan; manakala Sungai Pahang pula bersambung dengan Laut China Selatan. Menurut Preethovan Ramu (2020): “Dahulunya kawasan ini pernah menjadi pusat tumpuan bagi

para pedagang yang berurus niaga dari Pantai Timur dan Siam ke Melaka melalui Sungai Jempol dan Sungai Serting dari Pahang.”

Oleh yang demikian, faktor penyebaran variasi leksikal di kawasan ini turut disebabkan oleh faktor Laluan Penarikan. Laluan ini berperanan penting sebagai pusat persinggahan dan perdagangan para pedagang, bukan sahaja pedagang dari Tanah Melayu, tetapi juga pedagang dari luar Tanah Melayu. Faktor perpindahan atau migrasi, faktor pendidikan, dan faktor ekonomi juga merupakan faktor penyebaran bagi variasi leksikal KGN diri kedua /kamu/ di kawasan kajian.

Kata Ganti Nama /Dia/

Variasi leksikal KGN [dijə] dan [dijɔ] merupakan variasi leksikal bagi KGN /dia/. Hal ini demikian kerana berlaku perbezaan dari segi sebutan bunyi dan morfologinya yang dituturkan oleh penutur dialek Melayu Rompin. Daripada kedua-dua variasi leksikal ini, dapat dilihat bahawa proses penyisipan vokal dan proses neutralisasi vokal telah menyebabkan perubahan bunyi. Rumus perubahan bunyi bagi kedua-dua variasi leksikal adalah seperti yang berikut.

Proses penyisipan vokal:

O → j /ə _ k

O → j /ɔ _ k

a → ə / _ #


a → ɔ / _ #

Proses penutralan vokal:

Input	:	dia
Proses penyisipan vokal	:	dija, dija
Proses penutralan vokal	:	dijə, dijɔ
Output	:	dijə dan dijɔ

Selanjutnya, Peta 3 pula merupakan peta koroplet bagi taburan KGN diri ketiga /dia/ di beberapa buah kampung dalam daerah Rompin. Setiap titik

kampung ditandai dengan simbol tertentu mengikut varian /dia/ yang dituturkan.



PETA 3. Peta koroplet taburan variasi leksikal KGN diri ketiga /dia/

Variasi leksikal [dijə] merupakan leksikal KGN yang diambil daripada bahasa Melayu piawai. Menurut, Junaini Kasdan et al. (2019), [dijə] digunakan oleh penutur dialek untuk merujuk orang ketiga (tunggal) dan hampir kesemua penutur di kawasan kajian menggunakan varian [dijə] sebagai KGN. Hal ini demikian kerana variasi leksikal [dijə] digunakan oleh golongan dewasa dan golongan tua secara dominan. Faktor penyebaran varian ini disebabkan oleh kegiatan ekonomi yang secara umumnya melibatkan kawasan kampung di bahagian pesisir pantai hilir Rompin dan faktor perpindahan atau migrasi pula melibatkan kawasan di bahagian hulu Rompin. Faktor pendidikan juga merupakan pendorong utama varian [dijə] digunakan secara meluas oleh penutur di semua kawasan kajian.

Selanjutnya, variasi leksikal [awə?] sebagai KGN diri ketiga /dia/ juga menerima pengaruh

dialek pantai timur Semenanjung Malaysia. Hal ini dapat dipastikan melalui proses pembundaran vokal /ə/ di akhir kata. Penggunaan varian [awə?] melibatkan beberapa titik kampung di daerah Rompin, khususnya di Kampung Tanjung Gading, Kampung Janglau 3, Kampung Sabak, Kampung Alai, Kampung Lubuk Batu, dan Kampung Bukit Ibam. Walau bagaimanapun, varian [awə?] juga didapati digunakan oleh remaja di Kampung Sabak dan Kampung Alai, yang dapat dikaitkan dengan faktor pendidikan.

Secara keseluruhannya, KGN diri ketiga /dia/ di Rompin terdiri daripada beberapa variasi, iaitu [awə?], [dijə], [əyəŋ], [awəʔ], dan [dijə]. Namun begitu, terdapat juga persamaan varian antara variasi leksikal KGN diri ketiga /dia/ dengan KGN diri pertama /saya/ dan juga KGN diri kedua /kamu/. Jadual 7 menunjukkan persamaan penggunaan varian bagi ketiga-tiga KGN.

JADUAL 7. Persamaan varian KGN bagi KGN 1, KGN 2, dan KGN 3

Persamaan Varian Leksikal KGN			
Varian	KGN 1 /saya/	KGN 2 /kamu/	KGN 3 /dia/
[əɣɑŋ]	/	/	/
[awɔ?]		/	/
[awa?]		/	/

Berdasarkan Jadual 7, dapat dilihat bahawa variasi KGN diri kedua /kamu/, iaitu [awɔ?] dan [awa?] juga digunakan sebagai KGN diri ketiga /mereka/. Bagi KGN pertama /saya/ dan KGN diri ketiga /mereka/ berkongsi penggunaan variasi leksikal yang sama, iaitu variasi leksikal [əɣɑŋ].

Kata Ganti Nama /Mereka/

KGN diri ketiga /mereka/ mempunyai lima variasi, iaitu [diɔyɑŋ], [awɔ? sumə], [məyekə], [koyɑŋ], dan [dijəsəmə]. Variasi leksikal [məyekə] merupakan


leksikal dalam bahasa Melayu piawai, manakala variasi leksikal [awɔ? sumə] dan [dijəsəmə] merupakan dialek asli Pahang. Penutur dialek Pahang menjadikan leksikal /semua/ atau [sumə] dan [səmə] untuk merujuk panggilan KGN /mereka/ atau kelompok manusia yang ramai. Berdasarkan kedua-dua ciri unik varian [sumə] dan [səmə], kedua-duanya melibatkan proses peleburan vokal, iaitu daripada vokal rangkap menjadi vokal tunggal dan juga proses peneutralan vokal. Berikut merupakan rumus bagi kedua-dua proses yang berlaku.

$$\begin{array}{ll} \text{Proses peleburan vokal rangkap} & /ua/ : / ua / \longrightarrow /ə/ _ \# \\ \text{Proses pelemahan/reduksi vokal} & /ə/ : /ə/ \longrightarrow / u / _ \# \end{array}$$

Input	:	semua
Proses peleburan vokal rangkap	:	sumə, səmə
Proses pelemahan vokal	:	sumə, səmə
Output	:	sumə dan səmə

Variasi leksikal KGN [məyekə] kebanyakannya dituturkan di Kampung Tg. Gading, Kampung Alai, Kampung Pianggu, dan Kampung Parit Raja. Variasi leksikal [diɔyɑŋ] pula dituturkan, khususnya di Kampung Tanjung Gading, Kampung Bangkok, dan Kampung Sabak. Variasi leksikal [koyɑŋ] digunakan oleh penutur dari Kampung Tanjung

Gading, Kampung Sepakat, dan Kampung Pianggu. Walau bagaimanapun, hanya Kampung Tanjung Gading dan Kampung Tanjung Gemok sahaja yang menggunakan variasi leksikal [awɔ? sumə] dan [dijəsəmə]. Peta 4 menunjukkan taburan variasi leksikal KGN /mereka/ di Rompin.



PETA 4. Peta Koroplet taburan variasi leksikal KGN diri ketiga /mereka/

Peta 4 menunjukkan taburan lima jenis variasi leksikal KGN yang paling dominan digunakan oleh penutur dialek di sekitar kampung kawasan kajian. Varian [məyekə] merupakan varian yang paling dominan digunakan kerana varian [məyekə] merupakan variasi leksikal KGN yang sedia ada dalam bahasa Melayu standard. Pengaruh pendidikan formal turut memainkan peranan dalam penyebaran KGN ini.

Selain itu, variasi leksikal [dioyai] dan [koyai] merupakan sebahagian daripada KGN diri yang kian menjadi trend pada masa kini. Menurut Maslida Yusof (2018), penggunaan KGN [məyekə], [dioyai], dan [koyai] sering menjadi tumpuan masyarakat terutama dalam media sosial. Hal ini demikian kerana ketiga-tiga KGN ini tergolong dalam kategori KGN kontemporari, iaitu KGN moden yang kerap digunakan oleh masyarakat Malaysia pada masa kini. Namun begitu, terdapat keunikan dari segi penggunaan variasi leksikal KGN dalam dialek Melayu Rompin yang cuba ditonjolkan oleh penutur setempat. Penutur dialek Melayu Rompin menggelarkan KGN diri ketiga /mereka/ kepada

[awɔ? sumə] dan [dijəsəmə]. Hal ini demikian kerana penggunaan kata [sumə] dan [səmə] merujuk kepada kata jamak /semua/.

FAKTOR PENYEBARAN VARIASI LEKSIKAL DIALEK MELAYU ROMPIN

Variasi leksikal boleh berlaku akibat pengaruh faktor geografi atau bentuk muka bumi sesuatu kawasan, dan juga faktor sosioekonomi.

Faktor Geografi

Menurut Marlyna Maros (2009), Pahang mempunyai hubung kait yang sangat rapat dengan sungai. Di Pahang, terdapat tiga batang sungai utama, iaitu Sungai Pahang, Sungai Lipis, dan Sungai Jelai. Berdasarkan sejarah, sungai-sungai ini merupakan laluan perdagangan yang utama bagi pedagang-pedagang dari negeri lain, khususnya Negeri Sembilan, Selangor, Terengganu dan Johor. Menurut Wheatly & Nik Hassan Shuhaimi (dalam Preethavan Ramu et al. 2020), laluan perdagangan yang dimaksudkan ialah Laluan Penarikan atau

dikenali juga sebagai *Trans-Peninsular*, yang wujud sejak zaman Hoabinhian – 10,000 tahun yang lalu (Nik Hassan Shuhaimi dalam Muhammad Afiq Omar et al. 2016). Sungai-sungai yang bermuarakan Laut China Selatan yang menjadi bahagian daripada Laluan Penarikan ini ialah Sungai Golok, Sungai Kelantan, Sungai Besut, Sungai Terengganu, Sungai Kemaman, Sungai Dungun, Sungai Kuantan, Sungai Pahang, Sungai Rompin dan Sungai Endau. Malah ada juga sungai yang berkuala di Selat Johor seperti Sungai Johor, Sungai Tebrau, Sungai Pulai dan Sungai Melayu (Abdul Halim Nasir 1998).

Selain itu, Laluan Penarikan ini juga pernah dikaitkan dengan kedatangan kaum orang asli Semelai yang mula bertapak di Sungai Jempol, Sungai Serting, dan Sungai Teriang, Negeri Sembilan (Haji Ali Naam dalam Preethevan Ramu 2020). Namun begitu, penempatan yang dibina oleh orang Semelai tidak tahan lama kerana orang Semelai diserang oleh “lanun”, iaitu orang dari Rawa, Minangkabau, dan Arab.

Dari aspek linguistik, laluan perdagangan ini bukan sahaja menyebabkan berlakunya interaksi dan komunikasi sesama pedagang, tetapi juga berlakunya perkahwinan campur dan aktiviti sosial lain, yang akhirnya mewujudkan pelbagai variasi bahasa, terutamanya dialek.

Persempadanan juga merupakan faktor geografi. Hal ini demikian kerana bentuk muka bumi Pahang terutamanya di bahagian hilir Pahang dikelilingi dengan sungai begitu juga di bahagian pesisir pantai daerah Rompin. Di daerah Rompin, terdapat banyak kawasan perkampungan dan setiap kampung dipisahkan dengan aliran sungai. Dengan ini, tidak hairanlah bahawa Dialek Melayu Rompin terdiri daripada pelbagai variasi kata ganti nama. Sebagai contoh, variasi leksikal bagi kata ganti nama /dia/ yang menerima pengaruh dialek Pantai Timur ialah varian [dijə] dan [dijɔ]. Manakala, penggunaan leksikal kata ganti nama /mereka/ bagi Kampung Tg. Gading agak unik berbanding kampung-kampung lain. Hal ini disebabkan oleh ada penutur di Kampung Tg. Gading masih mengekalkan penggunaan kata ganti nama [awə? sumə] dan [dijəsəmə] sebagai dialek asli Pahang.

Faktor Sosioekonomi

Selain daripada faktor geografi dan bentuk muka bumi, faktor bukan linguistik lain yang turut mempengaruhi penyebaran dialek Melayu di Rompin ialah kegiatan sosioekonomi. Dalam kajian ini, responden kajian terdiri daripada tiga kategori, iaitu warga tua, dewasa, dan remaja. Hasil analisis

mendapati bahawa penggunaan varian leksikal bahasa Melayu standard didominasi oleh golongan dewasa dan remaja. Hal ini demikian kerana perubahan zaman kini menjadikan dua golongan ini menerima kurang pendedahan terhadap variasi leksikal kata ganti nama dalam Dialek Melayu Rompin, Pahang. Dari segi pandangan dua golongan ini, variasi leksikal dialek mempunyai sebutan yang pelik sehingga mereka malu untuk menggunakan leksikal kata ganti nama Dialek Melayu Rompin.

Seterusnya, faktor ekonomi juga mempengaruhi penyebaran variasi leksikal kata ganti nama Dialek Melayu Rompin, Pahang. Menurut Maruwiyah Ahmad(2008),daerah Pahang, aktiviti ekonomi yang dijalankan ialah aktiviti perikanan, pertanian, dan pelancongan. Aktiviti perikanan giat dilaksanakan di sekitar pesisir pantai Pahang. Hal ini disebabkan oleh kawasan pesisir pantai Pahang berhadapan dengan Laut China Selatan. Para nelayan sudah pasti akan pergi menangkap ikan atau mencandat sotong pada waktu malam. Selepas sahaja aktiviti perikanan dijalankan, para nelayan singgah sebentar di jeti nelayan untuk berehat sekali gus para nelayan juga akan memungut hasil keuntungan daripada aktiviti penjualan hasil tangkapan.

Aktiviti pertanian juga diusahakan oleh penduduk kampung sekitar daerah Rompin, Pahang. Antara tanaman yang berjaya diusahakan oleh penduduk ini ialah tanaman kelapa sawit, padi, dan juga tanaman-tanaman lain seperti di kebun-kebun kecil. Hal ini kerana tanah Pahang yang luas menjadikan penduduk daerah Rompin ringan tulang untuk berbudi kepada tanah. Penduduk sekitar daerah Rompin juga dapat memanfaatkan hasil tanaman untuk tujuan perniagaan. Subfaktor terakhir ialah faktor pelancongan, Pahang sudah menjadi destinasi pelancongan dalam negara dan antarabangsa. Kawasan hilir Pahang khususnya dalam daerah Rompin juga menjadi tempat persinggahan para pelancong. Para pelancong lebih gemar menyewa inap desa di kawasan kampung-kampung supaya dapat menikmati keindahan alam semula jadi. Antara tempat yang menjadi pilihan para pelancong di daerah Rompin ialah Kampung Tanjung Gemok, Kampung Lanjut, Kampung Tanjung Gading, dan kampung-kampung lain yang berada di sekitar pesisir pantai Pahang.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, kajian berkaitan variasi leksikal KGN dalam dialek Melayu Rompin merupakan suatu kajian yang sangat menarik.

Kajian ini bukan sekadar mengkaji variasi leksikal KGN tetapi juga menyerlahkan keistimewaananya kerana disokong dengan teknologi dan pendekatan multidisiplin, iaitu geolinguistik. Sistem Maklumat Geografi (GIS) berperanan penting sepanjang kajian ini dijalankan. Menerusi penggunaan Sistem Maklumat Geografi (GIS), pengkaji dapat memaparkan titik kampung kawasan kajian secara teratur dan kemas melalui peta koroplet. Penggunaan leksikal kata ganti nama Dialek Melayu Rompin begitu rencam kerana terdapat variasi leksikal yang menerima pengaruh dialek Pantai Timur dan Negeri Sembilan. Setiap kampung mempunyai leksikal KGN-nya yang tersendiri. Hal ini disebabkan oleh faktor linguistik dan bukan linguistik yang menjadi sebab berlakunya penyebaran dalam Dialek Melayu Rompin. Selain itu, kajian ini mampu memberi sumbangan terhadap bidang perancangan bandar dan wilayah, terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan pelancongan domestik.

PENGHARGAAN

Terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah memberikan geran penyelidikan Cabaran Perdana DCP-2017-008/2 sehingga terlaksananya kajian ini.

RUJUKAN

- Akhtar Hussain Sandhu & Maria Isabel Maldonado Garcia. 2015. Language and Dialect: Criteria and Historical Evidence. *Grassroots* 49(1): 203-217.
- Asmah Haji Omar. 2015. *Susur Galur Bahasa Melayu*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K. & Trudgill, P. 1998. *Dialectology*. (Second ed). Cambridge: Cambridge University Press.
- Collins, J. T. 1983. Dialek Pahang: Rangka Pengenalan. *Jurnal Dewan Bahasa* 27: 7-29, 99-118.
- Collins, J. T. 1989. *Malay Dialect Research in Malaysia: The Issue of perspective*. Bijdragen Tot De Taal-, Land- En Volkenkunde 145(2/3): 235-264.
- Junaini Kasdan, Ph.D
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: junaini@ukm.edu.my
- Nur Afiqah Azmay
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: afiqahazmay@gmail.com
- Anis Shahira Shamsuri
Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik (PKBL)
Universiti Kebangsaan Malaysia
Emel: ashahira10@gmail.com
- Ivic, P. & Crystal, David. 2014. *Dialect Encyclopedia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/dialect> [31 Disember 2020].
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Ahmad Khairul Ashraaf Saari. 2019. Varian Deiksos Sosial Dalam Dialek Melayu Pekan, Pahang: Analisis Geolinguistik dalam Seminar Linguistik Kebangsaan 2019 anjuran Persatuan Linguistik Malaysia.
- Majlis Daerah Rompin. 2020. *Sejarah Asal Usul Daerah Rompin*. <http://mdrompin.gov.my/ms/mdr/pusatmedia/berita/sejarah-asal-usul-daerah-rompin> [diakses pada 23 Oktober 2020].
- Marlyna Maros. 2009. Dialek Pekan: Penggunaan dan pengekalan. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Lingistik (SKALI09). Pusat Pengajian Bahasa & Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 10-11 Mac.
- Maruwiah Ahmad. 2008. *Kenali Negeri Kita Pahang Darul Makmur*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman & Shahidi A.H. 2010. Variasi Dialek Pahang: Keterpisahan Berasaskan Jaringan Sungai. *Jurnal Melayu* (5): 315-332.
- Mohd Tarmizi Hasrah, Rahim Aman, & Shahidi A.H. 2011. Sketsa Dialek Melayu Pahang. *Jurnal Linguistik* 12(Mac): 1-17.
- Mohd Tarmizi Hasrah. 2018. Dialek Melayu Hulu dan Hilir di Timur Semenanjung Malaysia. *Jurnal Bahasa* 18(1): 65-102.
- Mohd Tarmizi Hastah, Shahidi A.H., & Rahim Aman. 2013. Inovasi dan Retensi dalam Dialek Hulu Tembeling. *Journal of Language Studies* 13(3): 211-222.
- Muhammad Afiq Omar, Zuliskandar Ramli, Adnan Jusoh, Yunus Sauman, Muhamad Shafiq Mohd Ali, Muhammad Termizi Hasni, Muhd Helmi Muhd Mukhtar & Mohd Rohaizat Abd Wahab. 2016. Survey Arkeologi di Gunung Baling. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 33(1): 27-40.
- Noor Shahirah Mohd Rodzi & Sharifah Raihan Syed Jaafar. 2018. Kajian Fonologi kesalahan bunyi dalam bahasa kanak-kanak. *e-Bangi* 13(2): 178-188.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Maizatul Hafizah Abdul Halim, Harishon Radzi, & Junaini Kasdan. 2017. Penyebaran dialek Melayu di Langkawi: Analisis Geolinguistik. *Journal of Language Studies* 17(4): 159-178.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Norlisafina Sanit, Zaharani Ahmad, Harishon Radzi. 2016. Variasi kata ganti nama dialek di Pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *Journal of Language Studies* 16(1): 109-123.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Siti Noraini Hamzah, & Harishon Radzi. 2020. *Dialektologi dan GIS*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2018. Dialek Melayu di Perak: Analisis Geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(2):69-82.
- Pejabat Daerah Tanah Rompin. 2019. *Daerah dalam Rompin*. <http://pdtrompin.pahang.gov.my/infodaerah/mpkk-daerah> [diakses pada 23 Mac 2020].
- Portal Diraja Pahang. 2016. Peta Daerah Rompin. http://www.dirajapahang.my/portaldiraja/?page_id=485 [diakses pada 11 Oktober 2019].
- Preethevan Ramu, Zuliskandar Ramli, Shamsuddin Ahmad, Mohamad Nazim Abdul Gaman, Asrul Effendi Kamaruzzaman & Muhammad Zaki Razani. 2020. Laluan penarikan Jempol, Negeri Sembilan berdasarkan sumber bertulis. *Jurnal Arkeologi Malaysia* 33(1): 27-40.
- Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah Jalauddin & Zaharani Ahmad. 2014. Variasi dialek Melayu di Perak Utara: Analisis geolinguistik. *Jurnal Linguistik* 18(2): 30-46.